

Artikel

Transformasi Fungsi dan Makna Props dalam Teater Melalui Pendekatan Semiotik
(*Transforming Props' Function and Meaning in Theatre Through a Semiotic Approach*)

Azrul Azizi Amirrul^{1*} & Noor Rafizal Paharul Rozi²

¹Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia

²Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: azrulazizi@usm.my

Diserah: 14 Mac 2025

Diterima: 20 Mei 2025

Abstrak: Kajian ini meneliti transformasi fungsi dan makna props dalam persembahan teater melalui pendekatan semiotik. Props, yang sering dianggap sebagai elemen estetik atau fungsional semata-mata, memainkan peranan penting dalam membentuk naratif, simbolisme, dan emosi di pentas. Melalui kaedah kualitatif, kajian ini melibatkan pemilihan lima props berdasarkan undian oleh para pelakon yang terpilih dalam eksperimen ini iaitu (i)sudip kayu, (ii)kotak kasut, (iii)payung, (iv)tali, dan (v)cawan kecil untuk menganalisis perubahan yang berlaku daripada aspek penggunaannya melalui improvisasi pelakon. Dapatan menunjukkan bahawa props melampaui fungsi asalnya dan menjadi alat naratif dinamik yang memperoleh makna baharu bergantung pada manipulasi, konteks, dan interaksi pelakon secara individu dan berkumpulan. Dengan menggunakan teori semiotik Saussure, kajian ini mengenal pasti dua bentuk transformasi utama pemaknaan props: (i) pemaknaan literal berdasarkan identiti objek (ii)pemaknaan simbolik melibatkan fungsi objek, fungsi simbolik objek dalam konteks sosial secara umum dan gabungan antara ketiga-tiganya. Hal ini membuktikan kredibiliti prop sebagai satu bentuk aksi dramatik dan merupakan elemen '*performative*' visual dalam sesebuah persembahan. Dapatan ini menyumbang kepada bidang sinografi dengan membuktikan bagaimana objek harian, apabila ditafsirkan semula dalam persembahan, mencipta lapisan simbolik yang lebih mendalam serta meningkatkan keterlibatan penonton. Kajian ini menegaskan kepentingan props sebagai elemen semiotik dan performatif dalam teater kontemporari, memberikan pandangan berguna kepada pengamal, sinografer, dan pendidik teater.

Kata kunci: Props; semiotik; improvisasi; sinografi; persembahan teater

Abstract: This study investigates the transformation of the function and meaning of props in theatrical performances through a semiotic approach. While props are often perceived as merely aesthetic or functional elements, they play a significant role in shaping narrative, symbolism, and emotional expression on stage. Using a qualitative methodology, the study involved the selection of five props, (i) wooden spatula, (ii) shoebox, (iii) umbrella, (iv) rope, and (v) small cup based on votes by selected actors participating in the experiment. These props were then analyzed through actor improvisation to explore shifts in their usage. Findings reveal that props transcend their original utilitarian purpose and evolve into dynamic narrative tools, acquiring new meanings depending on manipulation, context, and interaction, both individual and collective. Drawing on Saussure's semiotic theory, the study identifies two main forms of meaning transformation: (i) literal meaning based on the identity of the object, and (ii) symbolic meaning involving the object's function, its symbolic role in a broader social context, and the combination of all three. The study affirms the credibility

of props as a form of dramatic action and a visual performative element within a performance. The findings contribute to the field of scenography by demonstrating how everyday objects, when reinterpreted on stage, generate deeper symbolic layers and enhance audience engagement. This research underscores the importance of props as both semiotic and performative elements in contemporary theatre, offering valuable insights for practitioners, scenographers, and theatre educators.

Keywords: Props; semiotics; improvisation; scenography; theatre performance

Pengenalan

Sinografi atau visual rekaan di pentas, merupakan elemen penting dalam seni persembahan yang merangkumi pelbagai aspek visual untuk menyokong naratif persembahan teater. Ianya melibatkan gabungan elemen seperti pencahayaan, reka bentuk latar, kostum, bunyi, dan props dalam mencipta ruang yang berfungsi untuk menyampaikan cerita serta meningkatkan pengalaman penonton (Ten Bosch et.al, 2013). Dalam konteks ini, sinografi bukan sahaja dilihat sebagai reka bentuk visual, tetapi juga sebagai alat komunikasi yang kompleks dan dinamik. Setiap elemen di atas pentas, termasuk props, memainkan peranan penting dalam menyampaikan emosi, simbolik, dan makna kepada penonton (Howard, 2009; McKinney & Butterworth, 2009).

Props, sebagai salah satu komponen utama sinografi, sering dianggap hanya sebagai alat bantu yang melengkapkan visual dan naratif pementasan. Namun, peranan props melangkaui fungsi estetik semata-mata. Sabzali Musa Kahn dan Ab Samad Kechot (2011) menegaskan bahawa reka bentuk set dan props bukan sahaja menyokong naratif persembahan secara visual, tetapi berperanan sebagai tenaga kreatif yang aktif dalam menyampaikan emosi dan makna secara dramatik kepada penonton. Dalam seni persembahan, props bertindak sebagai medium yang hidup dan bukan hanya objek pasif tetapi boleh berubah menjadi elemen naratif yang dinamik apabila digabungkan dengan aksi pelakon (Aronson, 2023). Dalam konteks ini, props memiliki potensi untuk melampaui kegunaan fizikal yang asal melalui interaksi kreatif pelakon, menjadikannya alat utama dalam mencipta dimensi baru dalam penceritaan persembahan (Aliano 2025; Turner, 2004).

Konsep transformasi fungsi dalam props merujuk kepada bagaimana sesuatu objek boleh berubah daripada kegunaan asalnya dalam kehidupan harian kepada fungsi baharu yang bersifat dramatik di atas pentas. Transformasi ini berlaku apabila pelakon berimprovisasi dalam memanipulasi props secara kreatif, memberikan konteks baharu melalui pergerakan, dialog, dan naratif (Jane, 2021). Proses ini membuka peluang untuk props menjadi tanda semiotik yang kaya dengan makna, membantu menyampaikan tema dan emosi kepada penonton (Pavis, 1998).

Walaupun props sering digunakan secara meluas dalam pelbagai jenis pementasan, kajian mengenai peranan props dari perspektif semiotik iaitu bagaimana ianya berfungsi sebagai tanda yang membawa makna masih lagi terhad. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek teknikal seperti reka bentuk, material, dan fungsi praktikal props, manakala sudut interpretasi dan simboliknya kurang diberi perhatian. Kajian ini akan melihat bagaimana pelakon mentafsirkan dan mengubah kegunaan props daripada fungsi asal melalui improvisasi, lalu memberikan makna baharu kepada objek tersebut dalam konteks seni persembahan (Higgins, 2020; Leone, 2024).

Pengaplikasian teori semiotik, kajian ini akan menganalisis bagaimana props berubah daripada objek biasa iaitu fungsi asal menjadi elemen naratif yang signifikan melalui interaksi pelakon. Kajian ini juga bertujuan untuk memberikan pandangan yang lebih mendalam kepada pengamal seni persembahan dan pereka pentas tentang potensi props sebagai alat komunikasi yang lebih berkesan dalam elemen sinografi.

Sorotan Literatur

1. Semiotik dan Tanda dalam Teater

Semiotik merupakan kajian mengenai tanda dan cara makna dicipta melalui tanda-tanda ini. Dalam teater, teori ini digunakan untuk memahami bagaimana setiap elemen yang wujud di atas pentas, termasuk props, berfungsi sebagai tanda yang membawa makna tertentu. Semiotik menekankan hubungan antara "*signifier*"

(penanda) dan "*signified*" (yang ditandakan), di mana *signifier* merujuk kepada bentuk fizikal tanda (seperti props) dan *signified* merujuk kepada makna atau konsep yang dikaitkan dengan tanda tersebut (Saussure, 1916).

Kajian Nor Ain Matnoh et al. (2021) menekankan peranan watak, dialog dan props dalam filem sebagai medium simbolik untuk menyampaikan makna sosio-budaya melalui pendekatan semiotik Ferdinand de Saussure. Dalam kajian tersebut, objek seperti kereta api dan troli buatan dalam filem *Ola Bola* ditafsirkan sebagai penanda (*signifier*) yang mewakili petanda (*signified*) tentang keterbatasan prasarana di kawasan pedalaman serta simbol kepada pencarian sejarah dan identiti bangsa.

Dalam seni persembahan, props berfungsi sebagai tanda yang membina dan memberikan lapisan-lapisan makna dalam penceritaan (Jyh Wee Sew, 2015). Melalui interaksi improvisasi antara pelakon dan props, objek tersebut tidak lagi sekadar objek statik dengan fungsi literal tetapi menjadi sebahagian daripada tindakan yang mencipta makna baru yang lebih kompleks. Proses ini memberi peluang kepada props untuk berfungsi sebagai alat komunikasi visual yang menyokong naratif dan memberi dimensi baru kepada cerita yang disampaikan (Von Rosen & Kjellmer, 2021).


2. Improvisasi dalam Penggunaan Props

Improvisasi adalah satu lagi elemen penting dalam kajian ini, kerana ia memberi pelakon ruang untuk mentafsirkan dan mengubah fungsi props. Improvisasi membolehkan pelakon memberi tafsiran baharu kepada objek tersebut, memperkaya pengalaman pementasan dan memberikan konteks yang lebih dalam kepada props itu. Improvisasi memberi kebebasan kepada pelakon untuk bereksperimen dengan objek di atas pentas, mencipta interaksi yang spontan dan memberi makna baru yang lebih berkait rapat dengan konteks persembahan dan ruang teater tersebut (Ismaliza Ishak, 2019).

Improvisasi membolehkan objek-objek yang biasanya digunakan untuk tujuan tertentu seperti kegunaan harian berubah peranannya menjadi lebih daripada sekadar alat atau objek biasa (Abdul Samat Salleh, 2005). Kajian oleh Eberle (2014) dan Carlson (2016) menunjukkan bahawa interaksi dengan objek secara improvisasi dapat merangsang pemikiran kreatif dan keupayaan penyelesaian masalah dalam kalangan pelakon. Prop yang diberikan tanpa arahan khusus juga boleh mendorong pelakon untuk menghasilkan interpretasi unik dan tidak konvensional terhadap watak serta adegan yang dimainkan (Frost & Yarrow, 2016). Sebagai contoh, dalam pementasan teater, sepasang kasut yang biasa digunakan sebagai melindungi kaki untuk berjalan berkemungkinan digunakan oleh pelakon untuk menonjolkan konsep perlindungan atau ketakutan. Dalam konteks ini, improvisasi bukan hanya melibatkan pergerakan fizikal, tetapi juga pemahaman tentang bagaimana props boleh diberi makna baharu melalui tindakan spontan pelakon.

3. Semiotik dalam Konteks Teater

Semiotik dalam teater tidak hanya berfungsi untuk menganalisis fungsi visual dan simbolik objek, tetapi juga untuk melihat bagaimana objek-objek ini membentuk dan mempengaruhi makna naratif yang dibina sepanjang pementasan. Menurut Barthes (1977), setiap objek atau imej dalam persembahan membawa potensi makna berlapis yang terbentuk melalui interaksi antara tanda dan tafsiran penonton. Menggunakan konsep *signifier* dan *signified*, props di atas pentas bukan sahaja berfungsi sebagai objek fizikal yang membawa makna langsung, tetapi melalui konteks pementasan dan interaksi pelakon, mereka boleh membawa pelbagai lapisan makna yang lebih dalam (Rajah 1).



Rajah 1. Hubungan sign, signifier dan signified dan hubungan dalam kajian.

Kajian mengenai peranan props melalui teori semiotik memberi fokus kepada transformasi makna yang berlaku apabila pelakon berinteraksi dengan objek tersebut. Sebagai contoh, sebuah objek yang secara literal digunakan untuk fungsi praktikal dalam kehidupan seharian seperti pisau, sekeping kertas, atau cawan boleh menjadi objek yang sarat dengan makna baru apabila digunakan dalam pementasan. Transformasi ini terjadi apabila objek tersebut dimanipulasi oleh pelakon melalui pergerakan, dialog, atau konfrontasi, yang mengubah fungsi asalnya kepada makna yang lebih mendalam dan simbolik (Cull & Lagaay, 2020)..

Beberapa tokoh penting dalam teori semiotik yang mempengaruhi kajian teater termasuk Umberto Eco, yang terkenal dengan penggunaan teori semiotik dalam analisis budaya dan teater. Eco (1976) mengemukakan bahawa objek dalam teater, termasuk props, berfungsi sebagai teks yang memerlukan tafsiran daripada penonton, dan melalui interaksi dengan pelakon, objek tersebut memperoleh makna baru dalam konteks pementasan. Eco menegaskan bahawa setiap elemen dalam teater berfungsi sebagai simbol yang terbuka kepada pelbagai tafsiran, memberikan ruang bagi interpretasi yang berbeza.

Selain itu, pemikiran yang dibawa oleh Turner (1982), melalui konsep "liminality," turut memberikan sumbangan penting dalam memahami bagaimana objek (termasuk props) berfungsi sebagai simbol dalam proses peralihan atau transformasi watak dalam pementasan. Turner menekankan bahawa props sering kali memegang makna yang berbeza ketika objek tersebut digunakan dalam ritual atau pementasan, menciptakan lapisan-lapisan makna yang lebih kompleks.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memahami transformasi makna props daripada kegunaan asal kepada fungsi dramatik dalam seni persembahan. Metodologi terdiri daripada pemilihan lima props harian berdasarkan undian di kalangan pelakon yang terpilih, sesi improvisasi oleh lima orang pelakon, serta analisis semiotik berdasarkan pemerhatian dan rakaman video. Kajian dijalankan selama dua bulan, dengan sesi berlangsung sekali seminggu selama 30 minit setiap kali.

Props dipilih melalui pendekatan "*purposive random sampling*" untuk memastikan variasi bentuk, fungsi asal, dan potensi manipulasi fizikal. Dalam sesi improvisasi, setiap pelakon diberi masa lima hingga sepuluh minit untuk meneroka fungsi baharu props dengan arahan terbuka. Semua sesi dirakam dan diperhatikan bagi menangkap ekspresi, gerakan, serta interaksi pelakon dengan props.

Data dianalisis menggunakan pendekatan semiotik Saussure (1916), meneliti transformasi fizikal, naratif, dan emosi props. Rakaman video dan nota lapangan dikodkan mengikut analisis tema (Braun & Clarke, 2021) bagi mengenal pasti corak penggunaan dan makna simbolik yang terhasil dalam improvisasi.

Berikut adalah kaedah pengekodan dalam mendapatkan kebolehpercayaan terhadap proses mendapatkan data bagi mengenalpasti transformasi yang berlaku terhadap penggunaan prop secara literal (*sign* dan *signifier*) dan makna simbolik (*signified*). Hasil data yang didapati membuktikan kecenderungan yang wujud secara tematik dalam penulisan ini (Jadual 1).

Jadual 1. Contoh Kaedah Pengekodan yang Digunakan


Tema/Kategori	Contoh Aksi/Petikan	Interpretasi/Pemaknaan (<i>Signified</i>)
Identiti Fizikal Prop	Sudip kayu, kotak kasut, payung, tali, cawan kecil	Objek harian dengan bentuk, bahan dan fungsi tertentu yang dikenali umum
Aksi Pelakon (Tubuh & Vokal)	Pelakon melilit tali di tubuh sambil meronta dan menjerit	Simbolik kepada konflik dalaman watak yang ingin melepaskan diri daripada tekanan
Emosi & Watak	Watak peminta sedekah menggenggam cawan kecil dengan suara serak meminta simpati	Cawan menjadi simbol status sosial rendah; menandakan kebergantungan dan permintaan belas kasihan
Latar dan Naratif	Kotak kasut dipukul seperti dram sambil menyanyi lagu jalanan	Menunjukkan kehidupan gelandangan yang meriah namun terpinggir; kotak sebagai simbol ruang kota
Transformasi Makna	Payung dibuka dan ditutup dengan laju, pelakon kelihatan lega setelah berlindung	Payung sebagai perlindungan simbolik terhadap ancaman; makna emosi dikaitkan dengan objek
Gabungan Unsur Fizikal & Sosial	Kotak kasut dipukul dan dianggap berat, wajah pelakon menahan beban	Beban fizikal melambangkan beban psikologi; prop menjadi metafora kepada tekanan hidup dan emosi

Hasil Kajian dan Perbincangan

Dalam konteks teater, props bukan sekadar berfungsi sebagai alat bantu visual tetapi berupaya menjadi medium naratif yang dinamik. Proses ini berlaku melalui improvisasi apabila pelakon mempunyai kebebasan untuk mentafsir, menterjemah dan mengubah fungsi asal props, memberikan makna baharu yang bergantung kepada konteks penceritaan dan interaksi pentas. Kajian ini melibatkan pelakon yang telah menjalani latihan asas improvisasi dan diberikan kebebasan untuk mengolah objek mengikut kreativiti masing-masing. Mereka diarahkan untuk mewujudkan hubungan objek secara literal dan fungsional menjadi objek simbolik dalam naratif rekaan mereka. Lokasi eksperimen ini dijalankan dalam ruang latihan teater yang minimalis, tanpa hiasan tambahan, bagi memastikan fokus para pelakon tertumpu sepenuhnya pada objek yang diberikan sebagai elemen utama eksplorasi. Pelakon diberikan lima objek harian yang umum iaitu sudip kayu, kotak kasut, payung, tali dan cawan kecil.

1. Sudip Kayu

Dalam sampel improvisasi I, pelakon mewujudkan latar penceritaan tentang satu suku tribal yang bertelagah antara satu suku dengan suku yang lain. Watak pemimpin atau ketua tribal ini menggunakan sudip kayu sebagai senjata, menggayakannya tinggi ke udara dan melangkah dengan penuh keyakinan dan kewibawaan. Postur tubuh ditegakkan dengan mengangkat dada ke depan (gambar 1). Selain menggunakan kreativiti melalui tubuh atau fizikalnya, pelakon turut menggunakan nada vokal yang kedengaran lebih 'berat' dan lantang dengan gaya percakapan yang bersesuaian dengan karektor seorang pemimpin. Sifat berani dan bersemangat ditonjolkan oleh pelakon. Dalam proses ini, sudip kayu selaku "*signifier*" bertukar menjadi senjata yang dihunuskan oleh seorang pemimpin yang berani dan berwibawa. Hal ini secara simboliknya, melambangkan autoritatif dan kuasa dalam naratif persembahan ini yang menjadi "*signified*". Transformasi sudip kayu sebagai alat untuk mengacau atau menyenduk masakan secara umum dan literal turut mempunyai kaitan dengan konsep kawalan dan kuasa dalam persembahan pelakon apabila pengguna sudip kayu secara fungsional bertindak sebagai pelaku atau penggerak yang memastikan sesuatu masakan itu dimasak atau dihidangkan menggunakan sudip kayu menyamai konsep seorang pemimpin dan senjata dalam persembahan ini.



Gambar 1. Penggunaan Postur Tubuh Dalam Transformasi makna objek

Sampel Improvisasi II berlatarkan naratif dunia fantasi mistik, para pelakon menggunakan sudip kayu sebagai pedang magik (senjata) dan melakukan aksi bertempur melibatkan dua kumpulan yang mempunyai kuasa magis yang bertelagah. Gerakan-gerakan menyerang dan kesan bunyi dilakukan oleh pelakon melalui aksi fizikal dan bunyi senjata melalui vocal "swish" dan "clang" sepanjang aksi pertempuran mereka. Para pelakon turut menggunakan gestura melibatkan wajah, postur tubuh, gerakan tangan dan kaki yang bersesuaian dengan aksi pertempuran untuk memberikan kesan '*make believe*' terhadap senjata yang digunakan dan aksi pertempuran yang sedang berlaku. Sifat berani, emosi marah dan perasaan tegang turut dipaparkan oleh para

pelakon melalui karektor masing-masing. Hal ini mewujudkan dinamik aksi dramatik dalam plot naratif persembahan secara berkumpulan.

Transformasi ini mencerminkan interaksi dinamik antara bentuk fizikal sudip kayu sebagai "*signifier*" dengan makna simbolik baharu yang diberikan oleh pelakon, iaitu "*signified*." Proses ini menonjolkan bagaimana sudip kayu mampu menjadi alat komunikasi visual dan naratif yang sangat kuat dalam konteks persembahan ini apabila dilakukan secara berkumpulan (gambar 2). Proses pelakon mewujudkan naratif, watak, dan karektor, emosi serta aksi dalam persembahan melalui gaya tubuh, elemen vokal, dan ekspresi wajah, menjadikan makna dan nilai sudip kayu tersebut berubah secara literal, fungsional dan simbolik tetapi masih mengekalkan konsep asalnya dalam persembahan. Sudip kayu yang digunakan sebagai alat mengawal tahap dan tekstur masakan oleh pelaku secara umum, dijadikan senjata oleh watak pemimpin dan tentera untuk mengawal, mengekalkan dan menguasai tampuk kuasa dalam konteks persembahan.



Gambar 2. Transformasi makna objek secara berkumpulan

2. Kotak Kasut

Sampel Improvisasi III melibatkan dua orang pelakon menggunakan dua buah kotak kasut yang berbeza. Dalam mewujudkan naratif persembahan yang kreatif, pelakon menggunakan karektor untuk memaparkan makna terhadap kotak kasut tersebut. Penggunaan aspek fizikal melalui gestura wajah, aksi, vokal melalui gaya percakapan dan sifat mewujudkan dua jenis watak yang saling bersaing atau berlumba-lumba. Mereka menggunakan kotak kasut sebagai buku dalam naratif yang memaparkan dua orang cendekiawan yang saling berlumba-lumba untuk menunjukkan kepandaian masing-masing.



Gambar 3. Penggunaan Watak dan Naratif dalam Transformasi objek

Dalam konteks persembahan, pelakon telah melakukan transformasi terhadap material(bahan) dan identiti objek(kotak kasut) tersebut untuk mewujudkan watak dalam naratif mereka(gambar 3). Kotak kasut yang terhasil daripada material kertas,mempunyai hubungan dengan material buku,juga daripada kertas. Transformasi ini mencerminkan interaksi antara bentuk fizikal kotak kasut sebagai "*signifier*" dan makna simbolik baharu yang diberikan oleh pelakon, iaitu "*signified*". Watak cendekiawan diwujudkan bagi memberikan relevan terhadap penggunaan kotak kasut sebagai buku. Dalam mewujudkan aksi dramatik, pelakon mewujudkan karektor cendekiawan melalui gestura wajah, gaya aksi,gaya percakapan, nada vokal dan karektor sombong serta ego yang saling berlawanan.


Dalam konteks umum, kotak kasut yang digunakan untuk mengisi kasut turut memaparkan elemen kelas atau status ekonomi. Label kotak kasut memaparkan jenama kasut dengan harga yang berbeza. Sikap cendekiawan yang saling bersaing ini secara simbolik mempunyai hubungan dengan konsep asal tadi, kelas sosial yang dihubungkan oleh harga kasut dengan pemakainya. Konsep bahan material kotak kasut dan status harga kasut dengan pemakai mempunyai kaitan dengan buku dan persaingan status dua cendekiawan sombong dalam naratif persembahan ini.

Sampel Improvisasi IV menggunakan kotak kasut dalam naratif kehidupan jalanan bagi memaparkan identiti sosial secara umum apabila para pelakon menggunakannya dalam latar kehidupan gelandangan. Hal ini sinonim dengan kotak yang digunakan sebagai alas tidur dan dijual untuk menyara kehidupan majoriti gelandangan. Namun, para pelakon menggunakannya untuk mewujudkan kesan suasana terhadap latar tersebut apabila menggunakan gestura wajah,gerakan,nada vokal dan aksi dengan memukul kotak kasut sebagai dram melalui gerakan tangan dan vokal. Kesan bunyi terhasil memaparkan bunyi persekitaran yang bersesuaian dengan latar jalanan yang dipenuhi pelbagai bunyi hiruk-pikuk kota. Para pelakon duduk di lantai mewujudkan watak gelandangan yang berpesta melalui aksi,kesan bunyi alat muzik dan nyanyian. Hubungan kotak kasut dengan identity umum gelandangan adalah "*signifier*" yang kemudiannya dijadikan "*signified*" melalui penggunaan pelakon apabila mewujudkan latar,alat muzik dram dan kesan bunyi persekitaran kotak melalui aksi gerakan dan vokal yang menghasilkan makna baru terhadap nilai makna kotak kasut tersebut.



Gambar 4. Penggunaan Objek Dalam Aksi Pelakon Secara Simbolik

Pemaknaan simbolik melalui kotak kasut membuka ruang kreativiti yang luas di kalangan para pelakon (gambar 4). Dalam sampel Improvisasi V, pelakon menjadikan kotak kasut sebagai simbol beban yang ditanggung oleh watak apabila digayakan dengan gestura,aksi dan vokal pelakon. Pelakon menggambarkan satu watak yang dibebani dengan beban emosi dan mental yang berat melalui aksi menanggung kotak kasut itu. Hal ini menghubungkan makna asal kotak kasut yang digunakan untuk mengisi barangan sebagai "*signifier*". Namun, apabila diberikan makna melalui sifat berat atau ringan,ianya memberi gambaran nilai berat kandungan atau isipadu yang terdapat di dalam kotak tersebut. Pelakon telah menggunakannya secara simbolik atau sebagai "*signified*" untuk menggambarkan konflik yang membebani watak.



Gambar 5. Penggunaan Objek sebagai Simbolik Latar

Selain itu, kotak kasut juga digunakan oleh pelakon melangkaui makna asal dan hubungannya dengan konteks barang tersebut. Sampel Improvisasi VI menunjukkan, pelakon telah menggunakan kotak kasut untuk mewujudkan latar penjara bagi satu watak yang terkurung dan tersepit antara beban konflik yang dihadapinya (gambar 5). Hal ini wujud berdasarkan melalui rekabentuk empat segi kotak kasut sebagai “*signifier*” yang menyamai rekabentuk segi empat bagi ruang atau pintu penjara yang menjadi “*signified*” kepada pelakon bagi melambangkan konflik dan emosi watak yang berada dalam keadaan tertekan dan serba salah menghadapi konflik. Berdasarkan hasil ini, membuktikan bahawa tahap dan kredibiliti seseorang pelakon itu mampu mewujudkan makna atau nilai yang berbeza daripada konteks asal sesuatu barang kepada satu tahap yang lebih luas dan pelbagai.

3. Payung

Dalam gambar 6 menunjukkan sampel Improvisasi VII, pelakon menggunakan gestura, aksi gerakan dan vocal untuk memberikan makna terhadap payung. Pelakon menggunakan gestura wajah dan tubuh untuk menggambarkan ketakutan yang dihadapinya. Setelah itu, payung diangkat ke atas dan perubahan aksi melalui gestura wajah dan emosi digunakan apabila payung tersebut dibuka dan ditutup. Kemudian, pelakon kelihatan lega dan tenang berbaring di kelilingi payung tersebut. Dalam konteks umum, payung digunakan untuk berteduh daripada panas dan melindungi tubuh manusia daripada basah ketika hujan. Konsep perlindungan ini digunakan oleh pelakon secara simbolik yang menjadi aksi dramatik dalam naratif lakonannya.



Gambar 6. Penggunaan Tubuh dan emosi Pelakon Terhadap Simbolik Objek

Proses yang dilakukan pelakon ini memberi gambaran terhadap satu watak yang ketakutan dan menghadapi pelbagai ancaman. Kepelbagaian ancaman ini digambarkan pelakon melalui aksi membuka dan menutup payung dengan gerakan laju dan perlahan serta bunyi yang dikeluarkan oleh payung semasa ianya dibuka dan ditutup. Secara visual, aksi ini memberikan kesan dramatik melalui unsur kinetik dan bunyi daripada aksi kelajuan buka-tutup payung tersebut. Watak yang ketakutan dengan pelbagai ancaman, kelihatan tenang dan selamat setelah berbaring di sebalik payung-payung itu. Hal ini memaparkan hubungan “*signifier*” payung dalam konteks rekabentuk dan fungsi payung yang dijadikan “*signified*” oleh pelakon melalui lakonannya dalam memaparkan naratif simbolik terhadap konsep perlindungan dan keselamatan melalui prop payung tersebut.



Gambar 7. Eksplorasi Pelakon Terhadap Rekabentuk Objek

Dalam sampel Improvisasi VIII, satu watak memegang payung dan mengacukannya kepada dua pelakon yang berada di posisi duduk dengan tangan terangkat. Posisi para pelakon ini memaparkan perbezaan status kuasa yang menunjukkan pemegang payung sebagai penguasa. Pelakon ini menggunakan gestura wajah dan gerakan tubuh yang agresif menggunakan payung, secara jelas mengancam kedua-dua watak yang berada di posisi melutut. Dua watak ini kelihatan ketakutan memandang ke arah payung yang diacukan oleh watak penguasa. Aksi dramatik memaparkan situasi konfrontasi ini, menunjukkan ketegangan antara watak dominan dan submisif melalui dua kelompok watak. Penggunaan payung sebagai senjata berdasarkan rekabentuk payung yang panjang, lurus dan berhujung runcing adalah “*signifier*” yang dimanipulasi oleh pelakon menjadi “*signified*” sebagai alat atau senjata yang melambangkan status kuasa, dominasi dan penjajahan (gambar 7).

Selain itu, payung juga digunakan untuk mencipta dimensi ruang dalam persembahan. Dalam satu adegan simbolik, sampel Improvisasi IX memaparkan kepadatan ruang sosial melalui aksi para pelakon berjalan mengelilingi pentas secara rawak dan bersentuhan di antara satu sama lain. Mereka menggunakan gestura wajah, gerakan dan emosi untuk memaparkan watak yang merasa kurang senang dan terganggu dengan keadaan itu. Payung digeser-geserkan bagi menghasilkan bunyi yang menyokong aksi dramatik tersebut. Namun, apabila payung dibuka dan disusun di satu ruang, antara setiap watak, mereka kelihatan lega dan tenang. Payung tersebut dijadikan ruang pemisah antara watak. Konsep perlindungan yang membataskan antara pengguna payung dengan hujan dan panas digunakan sebagai “*signifier*” bagi para pelakon untuk memaparkan “*signified*” terhadap batas antara ruang peribadi dan sosial kehidupan dalam konteks naratif lakonan tersebut.


4. Tali

Dalam sampel Improvisasi X, Pelakon 1 memegang dua hujung tali di tangan kiri dan tangan kanan dengan Pelakon 1 dan Pelakon 2 menarik tali yang dipegang oleh Pelakon 1. Aksi tarik menarik antara tiga pelakon ini, dilakonan dengan gestura wajah dan gerakan yang menggambarkan perebutan antara Pelakon 2 dan Pelakon 3 terhadap Pelakon 1. Pelakon 2 dan Pelakon 3 memaparkan emosi marah dan bersungguh-sungguh

melalui gerakan menarik tali. Kesengsaraan Pelakon 1 dipaparkan melalui gestura wajah, emosi dan fizikalnya. Hal ini secara simbolik melambangkan perebutan kuasa dan konflik antara dua pihak manakala mangsa (Pelakon 1) atau sesuatu yang direbutkan berada di tengah (gambar 8). Reka bentuk tali yang dipilin atau dianyam daripada serat hingga membentuk utas tali panjang digunakan untuk menyambung dan menarik sesuatu. Konsep ini apabila digunakan dalam interpretasi pelakon mewujudkan proses pemaknaan baru dengan tali sebagai “*signifier*”, menghubungkan para pelakon membentuk jalinan atau hubungan antara satu sama lain dan aksi perebutan yang dilakukan para pelakon menunjukkan “*signified*” dalam konteks persembahan apabila ianya bertindak sebagai medium fizikal yang menyampaikan ketegangan melalui aksi naratif, emosi dan karektor pelakon.



Gambar 8. Aksi Pelakon memaparkan simbolik hubungan dan kuasa.



Gambar 9. Penggunaan Tubuh dan Emosi Pelakon Dalam Simbolik Objek.

Dalam sampel Improvisasi XI, pelakon melilitkan tali di sekeliling tubuhnya, dengan menggunakan gestura wajah, emosi dan karektor yang memaparkan satu watak yang terbelenggu oleh konflik (gambar 9). Aksi watak melalui gerakan tubuh ekstrim, gestura wajah dan emosi marah serta vokal lantang memperlihatkan percubaan untuk melepaskan diri daripada ikatan tali atau konflik yang dihadapinya. Proses ini mengekalkan tali sebagai “*signifier*” melalui konsep fizikal dan fungsi tali iaitu mengikat sesuatu. Namun, dalam konteks persembahan ini, apabila pelakon menggunakan tali secara simbolik bagi menggambarkan keadaan mental dan emosi watak, ianya mewujudkan “*signified*” terhadap makna dan konsep umum tali tersebut. Transformasi ini memperlihatkan bagaimana tali yang fleksibel secara fizikal dapat menjadi metafora untuk emosi dan keadaan mental yang kompleks.



Gambar 10. Pemaknaan Simbolik Terhadap Cerita dan Watak

Selain itu, tali juga digunakan untuk menggambarkan naratif perhubungan dan watak antara pasangan. Dalam sampel Improvisasi XII, Pelakon 1(wanita) memegang tali yang digantung pada bahagian leher Pelakon 2(lelaki). Berdasarkan konsep asal tali yang terhasil daripada jalinan serat, perbezaan jantina, gestura wajah,aksi dan karektor memaparkan hubungan personal iaitu percintaan antara mereka secara simbolik(gambar 10). Tali yang dipegang oleh Pelakon 1 menunjukkan dinamik keseimbangan dalam perhubungan ini didominasi oleh wanita. Konsep tali berkaitan jalinan dan perhubungan menjadi “*signifier*” manakala aksi,gestura wajah,emosi dan karektor pelakon mewujudkan simbolisme hubungan manusia dalam bentuk percintaan adalah “*signified*” hasil manipulasi terhadap tali tersebut.

5. Cawan Kecil

Sampel Improvisasi XIII, memaparkan para pelakon menggunakan cawan kecil sebagai alat komunikasi telefon bimbit. Mereka menggunakan gestura wajah, aksi, emosi dan karektor semasa menggunakan cawan yang ditekapkan di telinga masing-masing. Hal ini memaparkan kreativiti para pelakon menggunakan cawan kecil sebagai “*signifier*” dan menjadikan konsep rekabentuk saiz cawan yang menyamai rekabentuk telefon bimbit sebagai alat telekomunikasi (gambar 11).



Gambar11. Transformasi Makna Objek Berdasarkan Rekabentuk

Selain itu,secara simbolik,konsep penggunaan cawan yang digunakan umumnya melalui perkongsian di rumah atau industri makanan bersesuaian dengan simbol interaksi dan hubungan sosial yang dilakukan

dalam konteks naratif para pelakon. Transformasi ini mewujudkan “*signified*” terhadap cawan kecil sebagai alat telekomunikasi dan interaksi sosial.



Gambar 12. Penggunaan Aksi dan Emosi Terhadap Pemaknaan Objek

Dalam sampel Improvisasi XIV, pelakon menggunakan gestura wajah, aksi, emosi dan karektor apabila memegang cawan kecil dengan perasaan sayu, bimbang dan sayang terhadap cawan kecil tersebut (gambar 12). Pelakon memaparkan aksi watak memegang cawan kecil dengan penuh perhatian dan berhati-hati tetapi menggenggamnya dengan erat. Hal ini memaparkan simbolik terhadap perasaan dalaman watak. Dalam konteks reka bentuk bahan, lazimnya cawan diperbuat daripada kaca yang bersifat mudah pecah yang bertindak sebagai “*signifier*” dalam proses transformasi. Pelakon memanipulasi konsep ini dalam aksi dan emosinya apabila memegang cawan tersebut dengan penuh perhatian. Secara simbolik, ianya mewujudkan “*signified*” apabila memaparkan sesuatu atau kenangan berharga yang sangat penting kepada watak dalam konteks naratif persembahan.



Gambar 13: Penggunaan Objek sebagai lambang status dan perwatakan

Penggunaan cawan kecil dalam sampel Improvisasi XV memaparkan transformasi cawan kecil sebagai alat penyimpanan sedekah. Pelakon 1 (lelaki) melakonkan watak peminta sedekah manakala Pelakon 2 (wanita) sebagai pemberi sedekah. Masing-masing menggunakan gestura wajah, aksi, emosi dan karektor untuk mewujudkan naratif perbezaan status sosial dan ekonomi dalam masyarakat (gambar 13). Konsep cawan sebagai alat menampung air untuk memudahkan air dikonsumsi oleh individu merupakan “*signifier*” yang kemudiannya menjadi “*signified*” dalam naratif persembahan ini apabila digunakan oleh Pelakon 1 untuk menampung wang sedekah yang cuba dikumpulkannya. Secara simbolik penggunaan cawan kecil ini dengan

kombinasi antara pelakon, aksi dan karektor mewujudkan perlambangan terhadap karektor individu dan status sosial serta ekonomi dalam masyarakat.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, melalui 15 sampel improvisasi menggunakan 5 objek sebagai prop terhadap lima orang pelakon iaitu sudip kayu, kotak kasut, payung, tali dan cawan kecil didapati, mampu menghasilkan makna baru dalam konteks naratif sesebuah persembahan. Proses pemaknaan props berlaku apabila pelakon menggunakan improvisasi melalui gestura tubuh, aksi, emosi dan karektor sepanjang proses tersebut. Hal ini melibatkan jumlah pelakon dalam sesebuah naratif, dinamik gerakan, dinamik vokal, emosi dan karektor. Pemaknaan props mampu dilaksanakan secara minimal iaitu seorang pelakon atau lebih bergantung kepada kemahiran dan kreativiti pelakon menggunakan improvisasi.

Transformasi tersebut berlaku melalui pengetahuan dan pengalaman para pelakon terhadap konsep objek tersebut dalam konteks rekabentuk seperti bahan penghasilan, tekstur permukaan, bentuk dan saiz objek tersebut. Misalnya kotak kasut berbentuk segiempat sebagai ruang penjara watak (Sampel Improvisasi V). Para pelakon juga melakukan improvisasi berdasarkan fungsi kegunaan objek tersebut dalam ruang domestik dan sosial personal secara umum. Proses ini mewujudkan tiga bentuk yang dikenalpasti iaitu pemaknaan secara literal yang mengubah identiti objek kepada alatan lain seperti sudip kayu kepada senjata (Sampel Improvisasi I) dan cawan kepada telefon bimbit (XIII).

Pemaknaan kedua, berlaku secara simbolik dalam dua bentuk iaitu mengubahnya berdasarkan fungsi kegunaan seperti tali untuk mengikat sesuatu digunakan bagi menggambarkan emosi karektor yang terbelenggu dengan konflik, apabila tali dililitkan ke tubuh watak (Sampel Improvisasi XI) serta kotak kasut yang digunakan untuk mengisi kasut disimbolkan sebagai beban yang berat terhadap karektor watak (Sampel Improvisasi V). Kedua, berdasarkan fungsi simbol objek dalam konteks sosial seperti kotak yang sering digunakan oleh para gelandangan melalui transformasi sebagai alatan dram dan kesan khas yang memberi gambaran latar kota (Sampel Improvisasi IV) atau payung yang melindungi daripada panas dan hujan sebagai lambang perlindungan apabila satu watak yang ketakutan menjadi tenang setelah berlindung di sebalik payung (Sampel Improvisasi XI).

Pemaknaan ketiga adalah gabungan identiti alatan, fungsi dan simbol sosial umum yang mewujudkan makna falsafah. Hal ini berlaku dalam konteks kreativiti melalui improvisasi pelakon apabila mewujudkan karektor, aksi dan latar naratif menggunakan objek tersebut. Dalam Sampel Improvisasi III pelakon menggunakan konsep identiti bahan penghasilan kotak kasut (kertas) untuk mewujudkan karektor watak cendekiawan yang saling menunjukkan kepandaian manakala Sampel Improvisasi XII menggunakan konsep jalinan dalam penghasilan tali untuk menunjukkan hubungan dan dominasi dalam perhubungan antara lelaki dan wanita. Objek turut digunakan untuk mewujudkan ruang atau latar naratif oleh pelakon seperti Sampel Improvisasi II mewujudkan aksi peperangan atau Sampel Improvisasi XV mewujudkan dua status sosial yang berbeza antara golongan kaya dan miskin. Rajah 2 menunjukkan proses transformasi prop dan sekaligus rumusan dapatan daripada kajian ini.

Kajian ini membuktikan bahawa props dalam teater bukan sekadar objek bersifat kegunaan fizikal semata-mata tetapi adalah medium simbolik yang dinamik serta mampu berfungsi sebagai alat komunikasi non-verbal. Selain memperkayakan naratif ianya turut bersifat performative dalam konteks persembahan. Transformasi prop berlaku secara literal berdasarkan identitinya yang melibatkan reka bentuk objek. Walau bagaimanapun, dalam pemaknaan berbentuk simbolik, fungsi objek secara literal dan fungsi objek dalam konteks sosial yang lebih umum mampu menghasilkan makna baharu sama ada secara sendiri atau melalui gabungan kedua-duanya. Hasil proses ini menghasilkan analisis yang membuka potensi kredibiliti props dalam konteks kontemporari sebagai satu elemen sinografi yang bukan sekadar alat sokongan tetapi satu unit *performative* yang aktif dalam sesebuah persembahan.



Rajah 2. Proses Transformasi Prop

Penghargaan : Kajian ini tidak akan dapat dilaksanakan tanpa sokongan dan komitmen para pelajar Bahagian Drama dan Teater, Pusat Pengajian Seni, yang telah terlibat dalam sesi improvisasi dan pemerhatian. Penghargaan setinggi-tingginya diucapkan atas kesungguhan, kreativiti, dan dedikasi mereka dalam menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Siti Fatimah Abdul Manaf atas sumbangan berharga beliau dalam penghasilan penulisan artikel ini. Dukungan dan idea yang diberikan amat dihargai dalam memperkukuhkan analisis dan perbincangan yang dikemukakan.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Kenyataan persetujuan termaklum telah diperolehi daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian ini.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan di antara semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Samat Salleh. (2005). *Aspek lakonan dalam teater Bangsawan*. Jabatan Kesenian dan Kebudayaan.
- Aronson, A. (2023). *Fifty key theatre designers*. Taylor & Francis.
- Astrid Von Rosen & Viveka Kjellmer. (2021). *Scenography and art history: Performance design and visual culture*. Bloomsbury Publishing.
- Barthes, R. (1977). *Image, Music, Text*. Fontana Press.
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Bryman, A. (2016). *Social research methods* (5th ed.). Oxford University Press.
- Carlson, M. (2006). *Performance: A critical introduction* (2nd ed.). Routledge.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Cull Ó Maoilearca, L., & Lagaay, A. (2020). *The Routledge companion to performance philosophy*. Routledge.
- Eberle, B. (2014). *Serious play: How the world's best companies simulate to innovate*. Pearson Education.

- Eco, U. (1976). *A theory of semiotics*. Indiana University Press.
- Frost, A., & Yarrow, R. (2016). *Improvisation in drama, theatre and performance: History, practice, theory*. Palgrave Macmillan.
- Howard, P. (2009). *What is scenography?* Routledge.
- Ismaliza Ishak. (2019). *Strategi kebenaran dalam monodrama dan monolog*. Malaysian Institute of Translation & Books.
- Jane, M. (2021). *Creating improvised theatre: tools, techniques, and theories for short form and narrative improvisation*. Taylor & Francis.
- Jeanmarie Higgins. (2020). *Teaching critical performance theory: In today's theatre classroom, studio, and communities*. Taylor & Francis.
- Jyh Wee Sew. (2015). *Semiotik persembahan wacana*. Universiti Malaya.
- Aliano, K. I. (2025). *Immersive storytelling and spectatorship in theatre, museums, and video games*. Taylor & Francis.
- Leone, M. (2024). *Semiotic ideologies: Patterns of meaning-making in language and society*. Brill.
- McKinney, J., & Butterworth, P. (2009). *The Cambridge introduction to scenography*. Cambridge University Press.
- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2018). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (4th ed.). SAGE Publications.
- Nor Ain Matnoh, Zairul Anuar Md. Dawam, & Sim Chee Cheang. (2021). Simbolisme watak dan perwatakan berdasarkan konteks sosio-budaya masyarakat malaysia dalam filem Ola Bola (2016). *e-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16 (6), 1–13. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/34264>
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research and evaluation methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Pavis, P. (1998). *Dictionary of the theatre: Terms, concepts, and analysis*. University of Toronto Press.
- Sabzali Musa Kahn, & Ab Samad Kechot. (2011). Pengurusan artistik: Kajian mengenai peranan set selaku tenaga kreatif dalam seni persembahan pentas di Malaysia. *e-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6 (2), 124–141. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/21876>
- Saussure, F. de. (1916). *Course in general linguistics* (W. Baskin, Trans.). McGraw-Hill.
- Ten Bosch, A. K., Groot Nibbelink, L., Maan, T., & Scholts, N. (2013). Thinking scenography: Inventing a building. *Performance Research*, 18 (3), 95–105. <https://doi.org/10.1080/13528165.2013.818319>
- Turner, C. (2004). *Scenographic imagination in action*. Routledge.
- Turner, V. (1982). *From ritual to theatre: The human seriousness of play*. PAJ Publications.